

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]**

SOALAN :

YB. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi memastikan sasaran 30.5 juta pelancong asing bagi tahun ini mampu dicapai berikutan terdapat kes ancaman keganasan di Malaysia dan seluruh dunia.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2016, kerajaan menyasarkan kedatangan pelancong antarabangsa berjumlah 30.5 juta orang dengan jangkaan sumbangan kepada pendapatan negara kira-kira RM103 bilion. Ancaman keganasan yang sering diwar-warkan di media tidak menjejaskan sektor pelancongan di negara ini. Sebaliknya, Malaysia terus menjadi tumpuan pelancong antarabangsa. Kementerian ini akan terus memantau jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia dari masa ke semasa. Namun, Kementerian ini yakin keadaan ini tidak akan memberi kesan negatif kepada ketibaan pelancong ke Malaysia. Selain mempromosikan Malaysia sebagai negara yang menarik untuk dikunjungi, pihak Kementerian dengan kerjasama agensi dibawahnya iaitu Tourism Malaysia akan terus mempromosikan Malaysia sebagai negara yang selamat untuk dikunjungi dan bebas dari ancaman keganasan.

Sekian, terima kasih.